

Asal-usul Kampung Nelumad: Analisis dari Perspektif Mitos dan Legenda Masyarakat Dusun di Ranau, Sabah

(The Origins of Nelumad Village: An Analysis from the Perspective of Myths and Legends of the Dusun Community in Ranau, Sabah)

Budi Anto Mohd Tamring¹, Veronica Petrus Atin^{2*}, Nelson Justin Adeh³

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: budi@ums.edu.my

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: vpetrus@ums.edu.my

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: nelson@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Veronica Petrus Atin
(vpetrus@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Mitos
Legenda rakyat
Kampung Nelumad
Ranau

KEYWORDS:

Myths
Folk legends
Kampung Nelumad
Ranau

CITATION:

Budi Anto Mohd Tamring, Veronica Petrus Atin, & Nelson Justin Adeh. (2023). xxxxxxxx. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002449.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2449>

ABSTRAK

Asal usul nama sesuatu tempat walaupun boleh diterangkan berdasarkan sejarah samada melalui bukti catatan bertulis mahupun melalui sejarah lisan, tetapi nama sesuatu tempat atau kampung khususnya dalam masyarakat di Sabah seringkali dikaitkan dengan unsur-unsur mitos dan legenda rakyat. Unsur-unsur mitos dan legenda rakyat merupakan elemen yang penting dalam kebudayaan sesebuah masyarakat dan berperanan membentuk solidariti dan nilai kolektif yang dikongsi bersama setiap ahlinya. Objektif kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menerangkan asal-usul Kampung Nelumad melalui sejarah lisan dan juga menjelaskannya dalam konteks mitos dan legenda rakyat setempat. Hasil kajian yang diperoleh menggunakan kaedah temu bual menunjukkan kampung Nelumad telah wujud sejak zaman sebelum kedatangan British lagi. Penduduk awal kampung Nelumad adalah daripada dua keturunan iaitu keturunan Gimbukon dan keturunan Kumantan dan kedua-dua keturunan keluarga ini telah berkembang dan mempunyai tujuh generasi keturunan sehingga kini. Asal-usul nama kampung Nelumad pula adalah berdasarkan dua versi sumber iaitu versi pertama berdasarkan pertemuan antara dua sungai dan versi kedua adalah berdasarkan kisah pemburu yang menemui kanak-kanak berhampiran dengan sungai. Selain itu, Nelumad juga dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu Notuhan, Dantaion dan Lakang yang juga terbentuk atau dinamakan berdasarkan peristiwa alam sekitar dan cerita mitos serta legenda rakyat setempat.

ABSTRACT

The origin of the name of a place, though can be explained based on historical evidence through written records or oral history, is often associated with elements of myths and folk legends, especially in the Sabah community. These myths and folk legends are essential elements of a society's culture and play a role in shaping solidarity and collective values shared among its members. The objective of this paper is to explain the origin of Kampung Nelumad through oral history and to contextualize it within local myths and folk legends. The research findings obtained through interview methods indicate that Kampung Nelumad has existed since before the arrival of the British. The early inhabitants of Kampung Nelumad were from two lineages, namely the Gimbukon and Kumantan lineages, and both families have developed and now span seven generations. With regards to the origin of the name "Nelumad," there are two versions of the source. The first version is based on the meeting of two rivers, while the second version is based on a story of a hunter encountering a child near a river. Additionally, Nelumad is divided into three sub-villages, namely Notuhan, Dantaion, and Lakang, which were also formed or named based on natural events and local myths and folk legends.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur tentang asal usul nama tempat, khususnya tentang kampung Nelumad dan nama kawasan-kawasan dalam kampung Nelumad. Hasil kajian telah menambahkan lagi penulisan berkaitan sejarah lisan, mitos dan legenda rakyat di Sabah. Usaha ini juga secara langsung menyumbang kepada penghasilan bahan rujukan untuk generasi akan datang.

1. Pengenalan

Masyarakat secara umumnya berevolusi atau berkembang bermula dari masyarakat yang primitif atau bersifat tradisional kepada masyarakat yang moden. Dalam mana-mana masyarakat di seluruh dunia, penceritaan tentang asal-usul sama ada asal-usul keturunan atau asal-usul sesuatu nama tempat kebiasaannya tidak dapat lari daripada penceritaan yang dikaitkan dengan unsur-unsur magis atau unsur-unsur yang bertentangan dengan falsafah pemikiran sains yang tidak dapat diterima oleh pemikiran logik manusia. Penceritaan yang berunsurkan mitos dan legenda ini dilihat mempunyai kepentingan sebagai satu cara untuk mengangkat nilai kebudayaan atau martabat sesuatu kaum atau bangsa.

Walaupun, epistemologi sains telah mendominasi pemikiran manusia pada hari ini, dan telah mempengaruhi bagaimana manusia bertingkah laku, tetapi elemen mitos dan legenda kekal menjadi rujukan bahkan dijadikan sebagai sumber untuk menjelaskan sesuatu fenomena atau peristiwa sehingga kini. Kebergantungan terhadap sumber mitos dan legenda ini berkemungkinan dikaitkan dengan keadaan, fenomena atau peristiwa yang tidak dapat dijelaskan menggunakan pemikiran logika atau epistemologi sains. Misalnya tentang kewujudan hantu, kekebalan tubuh badan, kuasa luar biasa dan pelbagai keadaan yang tidak munasabah untuk diterima sebagai logik.

Peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku dalam masyarakat seringkali diangkat sebagai satu peristiwa yang menjadi identiti sesuatu masyarakat sama ada sebagai nama seseorang individu atau sebagai nama sesuatu kawasan atau tempat. Malah, generasi pada hari ini kebanyakannya juga masih kekal menjadikan sumber mitos dan legenda sebagai sumber penceritaan dalam kebudayaan mereka. Ini kerana masih terdapat generasi yang menyampaikan cerita-cerita mitos dan legenda tersebut, yang akhirnya diwarisi kepada generasi seterusnya. Misalnya warisan penceritaan daripada ibu-bapa kepada anak-anak dan juga daripada pelbagai bentuk sumber lain seperti internet, bahan bercetak seperti buku dan artikel penyelidikan yang merupakan usaha individu atau pihak tertentu menulis dan mendokumentasikan cerita-cerita mitos dan legenda dalam masyarakat. Masyarakat Dusun di Kampung Nelumad juga masih kekal sehingga kini mewariskan cerita-cerita mitos dan legenda yang berlaku dalam masyarakat mereka.


Kampung Nelumad dari segi kedudukan geografi, merupakan petempatan yang terletak di kawasan Daerah Ranau di negeri Sabah. Daerah Ranau ini merupakan salah satu daripada 25 kawasan parlimen di Negeri Sabah. Daerah Ranau yang juga dikenali sebagai kawasan Parlimen 179 Ranau dipecahkan kepada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN 36 Kundasang, DUN 37 Paginatan dan DUN 38 Karanahan (rujuk Peta DUN Sabah, 2020 untuk keterangan lanjut). Kampung Nelumad terletak dalam kawasan DUN Kundasang seperti yang ditunjukkan dalam [Peta 1](#).

Peta 1: Kedudukan Kampung Nelumad



Sumber: Google Maps 25/3/2023

Peta 2: Kedudukan Rumah di Kampung Nelumad



Sumber: Data temu bual bersama Jirus Miun, 29 Mac 2023

Dari segi demografi, [Jadual 1](#) menunjukkan tentang maklumat demografi umum Kampung Nelumad. Jumlah penduduk di Kampung Nelumad adalah seramai 558 orang dan daripada jumlah tersebut hampir 100% penduduk Kampung Nelumad adalah berbangsa Dusun.

Jadual 1: Maklumat Demografi Umum Kampung Nelumad

Perkara	Keterangan
Jumlah Rumah	114 buah
Jumlah rumah aktif	98 buah
Jumlah rumah tidak aktif	16 buah
Jumlah Penduduk	558 orang (termasuk yang keluar masuk)
Jumlah Penduduk yang menetap	431 orang
Komposisi kaum/etnik	Dusun 98%, Cina 2%
Komposisi Agama	Kristian 95%, 5% Islam

Sumber: Data temu bual bersama Zainal Midi, 2022

Manakala dari segi komposisi agama, penduduk di Kampung Nelumad majortinya adalah beragama Kristian dan hanya 5% sahaja penduduk yang beragama Islam. Penduduk di Kampung Nelumad kebanyakannya terlibat dalam kegiatan pertanian sebagai sumber pendapatan utama dan sebahagian kecil terlibat dengan pekerjaan dalam sektor swasta dan sebagai kakitangan kerajaan. Kedudukan rumah penduduk di Kampung Nelumad seperti yang ditunjukkan dalam [Peta 2](#) termasuklah rumah yang penduduk yang tidak aktif dan kemudahan seperti jalan raya, gereja dan kemudahan lain. Kampung Nelumad sehingga kini memiliki seramai 10 orang ketua kampung seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Senarai Ketua Kampung Nelumad

Nama Ketua Kampung	Tempoh Perkhidmatan
1. Kepiling	1942-1949
2. Kingau Bin Kumantan	1950-1959
3. Gempile bin Kumajay	1961-1964
4. Bengeit	1965-1970
5. Kensurun bin Seliwod	1971-1975
6. Kunsaii binti Langawit	1976-1979
7. Giung bin Medilang	1985-1991
8. Mising bin Bengo	2000-2007
9. Medili bin Ganat	2008-2018
Tiada maklumat	2019-2020
10. Esten @ Estin bin Galumpat	2021 sehingga kini

Sumber: Data temu bual bersama Esten @ Estin bin Galumpat, 31/7/2023

Manakala senarai Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 3](#) pula adalah seramai 10 orang juga tetapi terdapat tempoh masa dari tahun 1949 sehingga 1968 tiada maklumat tentang pengerusi JPKK. Pengerusi JPKK atau Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) sebenarnya beberapa kali bertukar nama. Sebelum ini

dikenali juga sebagai pengerusi JKK atau pengerusi jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung.

Jadual 3: Senarai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Nelumad

Nama Pengerusi JPKK	Tempoh Perkhidmatan
1. Kogi bin Gumansa	1942-1948
Tiada maklumat	1949-1968
2. Kurupeng	1969-1975
3. Samun Selipat	1976-1979
4. Selubin Lampakas	1990-1993
5. Medili Guned	1994-1996
6. Donis Lansou	1997-2000
7. Jirus Miun	2002-2013
8. Jafrin Giung	2014-2016
9. Baidairin Somuil	2017-2018
10. Zainal Midi	2021 - kini

Sumber: Data temu bual bersama Zainal Midi, 31/7/2023

Artikel ini akan menjelaskan tentang unsur-unsur mitos dan legenda yang dijadikan sebagai sumber pemberian nama tempat di Kampung Nelumad, Ranau. Penjelasan tersebut walau bagaimanapun bukan semata-mata bergantung kepada elemen mitos dan legenda tetapi juga diselitkan dengan elemen sejarah lisan dan daripada maklumat kajian-kajian lepas kerana tidak terdapat catatan bertulis asal-usul nama Kampung Nelumad yang diterbitkan sehingga kini.

2. Sorotan Literatur

Mitos dan legenda merupakan dua perkara yang biasa didengari dalam mana-mana kebudayaan masyarakat di seluruh dunia. Oleh sebab itu lah, pemahaman tentang konsep mitos dan legenda banyak dijelaskan dalam pelbagai bahasa dan budaya. Selain itu, kajian atau penulisan tentang mitos dan legenda ini juga banyak ditulis oleh pengkaji lain bukan sahaja di Malaysia tetapi juga melibatkan pengkaji di luar negara.

2.1. Konsep Mitos dan Legenda

Konsep mitos secara umumnya merupakan perkara atau peristiwa yang berlaku dalam masyarakat dan dikaitkan dengan fenomena luar biasa atau mempunyai unsur-unsur yang tidak boleh diterima dengan logika manusia. Dalam konteks masyarakat barat, mitos berasal dari perkataan *mythos* yang merupakan bahasa Greek bermaksud *tale, speech* (Ruhaiza et al., 2017:3). Ruhaiza et al. (2017) dalam kajiannya menerangkan maksud mitos dengan menggunakan definisi daripada pengkaji dari barat seperti Bascom (1965) dan pengkaji tempatan seperti Hashim (1985). Bascom (1965), menjelaskan Mitos sebagai sesuatu penceritaan yang dianggap benar dan pernah terjadi ketika masa yang lalu. Mitos bahkan dikatakan mempunyai bukti (testimoni) yang menjelaskan berkaitan masyarakat, budaya dan alam. Hashim (1985) juga mengaitkan mitos sebagai cerita rakyat yang mengandungi penceritaan tentang sesuatu peristiwa luar biasa atau bertentangan dengan pemikiran logik manusia (Ruhaiza et al., 2017:3).

Selain itu, menurut Amoamo (2011) pula, mitos adalah sesuatu penceritaan atau naratif rekaan yang kebiasaannya melibatkan tentang manusia ghaib, peristiwa atau tindakan.

Bahkan menurut [Amoamo \(2011\)](#) mitos juga mengandung beberapa idea popular atau terkenal mengenai perkara atau sesuatu fenomena semula jadi atau peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku ([Fatimah & Hamid, 2014:171](#)). Pengertian Mitos dalam bahasa Melayu seperti yang dijelaskan dalam [Kamus Dewan \(2010\)](#), pula merujuk kepada cerita yang berlaku ketika zaman dahulu dan cerita tersebut dianggap benar, terutamanya yang khusus mengandung perkara berkaitan unsur-unsur konsep atau kepercayaan berkaitan sejarah awal kewujudan atau asal-usul sesuatu suku bangsa, peristiwa atau kejadian-kejadian alam, dan lain sebagainya. Selain itu, seperti yang dijelaskan dalam [Kamus Dewan \(2010\)](#) mitos juga didefinisikan sebagai sesuatu yang merujuk kepada cerita berkaitan individu atau seseorang atau sesuatu yang tidak berlaku atau dengan erti kata lain sebagai tidak benar dan direka-reka serta dongeng ([Kamus Dewan, 2010](#)). Sementara itu, [Fatimah dan Hamid \(2014\)](#) menjelaskan mitos sebagai sesuatu yang berkaitan atau dapat dikaitkan dengan sebuah cerita dalam sebuah kebudayaan setempat dan cerita tersebut yang dianggap betul atau benar tentang sesuatu perkara atau peristiwa yang pernah berlaku pada zaman dahulu sebagai contoh seperti asal usul alam semesta manusia atau bangsa yang diungkapkan secara lisan mahupun secara ghaib ([Fatimah & Hamid, 2014:171](#)).

Manakala konsep legenda pula secara umumnya adalah sesuatu peristiwa atau cerita dalam masyarakat yang dipercayai berlaku. Walau bagaimanapun peristiwa atau cerita yang dipercayai berlaku oleh sesuatu masyarakat itu tidak dapat dipastikan kebenarannya. Asal-usul perkataan legenda yang diterangkan daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *legend* sebenarnya adalah berasal daripada bahasa Latin, legenda yang didefinisikan atau membawa makna sebagai sebuah cerita yang akan atau bakal diceritakan ([Fatimah & Hamid, 2014: 171](#)).

Legenda dalam konteks bahasa Melayu bermaksud sebagai cerita dongeng yang berkaitan dengan kisah-kisah atau kejadian yang bersejarah dan juga merujuk kepada petunjuk atau kata-kata keterangan tentang sesuatu seperti peta, carta, ilustrasi, dan lain-lain ([Kamus Dewan, 2010](#)). [Fatimah dan Hamid \(2014\)](#) dalam kajiannya menerangkan maksud legenda adalah cerita yang berkaitan dengan kisah-kisah bersejarah pada masa yang lalu dan kadang-kadang ada persamaan dengan cerita dongeng yang menceritakan tentang seseorang individu atau peristiwa yang kebenarannya tidak dapat dipastikan tetapi dianggap benar atau dipercayai oleh yang menceritakan dan dipercayai oleh pendengarnya. Walaubagaimanapun, menurut [Fatimah dan Hamid \(2014\)](#) legenda tidak dianggap terlalu dongeng kerana maksud dongeng seperti yang dijelaskan dalam [Kamus Dewan \(2005\)](#) lebih kepada cerita tentang khayalan atau fiksi dan kiasan.

2.2. Mitos dan Legenda Dalam Masyarakat Malaysia Secara Umum

Mitos dan legenda merupakan dua sumber yang mewarnai penceritaan asal-usul dan kebudayaan masyarakat di Malaysia. Secara umumnya, setiap masyarakat yang berbeza budaya khususnya dari segi kaum mempunyai cerita atau sumber sejarah yang dikaitkan dengan mitos dan legenda.

Di tanah Melayu, kebudayaan masyarakat Melayu dan orang Asli yang bersifat tradisional dan berakar umbi dengan kebudayaan feudalisme banyak menggunakan sumber-sumber mitos dan legenda dalam penceritaan asal-usul nama tempat, asal-usul nama seseorang dan juga penceritaan sesuatu peristiwa atau fenomena dalam kebudayaan masyarakat.

Siti Hawa (2009), menjelaskan kebanyakan negeri atau hampir setiap negeri-negeri di Kepulauan Melayu yang juga meliputi Semenanjung Tanah Melayu, mempunyai institusi dan sistem pemerintahan beraja yang mempunyai latar sejarah dari segi asal-usul pemerintahan atau pendtabiran dan penubuhan sesuatu negeri yang mempunyai kaitan dengan penceritaan berunsurkan mitos dan legenda. Contohnya seperti Parameswara dan kerajaan Melaka, Hang Tuah dan empat saudaranya, Merong Mahawangsa dan Raja Bersiong merupakan antara cerita mitos dan legenda yang mempunyai hubungkait dengan raja-raja di Malaysia (Fatimah & Hamid, 2014: 172).

Selain unsur mitos dan legenda dalam penceritaan raja-raja di Malaysia, mitos dan legenda juga banyak digunakan dalam penceritaan tentang peristiwa aneh, keupayaan luar biasa seseorang individu mahupun asal usul kejadian sesuatu tempat atau lanskap geografi. Antara contoh mitos dan legenda yang popular di Tanah Melayu adalah seperti kisah sumpahan Sang Kelembai dan sumpahan orang minyak, Kisah Puteri Gunung Ledang di Johor, Naga Tasik Chini di Pahang dan kisah si Tanggang (Fatimah & Hamid, 2014: 172).

Beberapa kajian lepas telah dibuat di Malaysia tentang mitos dan legenda dalam masyarakat. Antara kajian tersebut ialah kajian Fatimah dan Hamid (2014) berkaitan mitos dan legenda sebagai produk pelancongan. Pengkaji memberi tumpuan kepada unsur mitos dan legenda setempat yang boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan. Antaranya adalah kisah Gua Puteri, Batu Puteri @ Batu Gajah dan asal usul nama Lenggong. Demikian juga kajian kajian Ruhaiza et al. (2017) tentang penggunaan unsur mitos dan lagenda sebagai produk pelancongan di Tasik Chini. Dalam kajian tersebut pengkaji memberi fokus bagaimana mitos dan lagenda boleh berupaya dijadikan sebagai bahan atau produk yang menarik untuk tujuan pelancongan. Penekanan kajian tersebut juga tertumpu menjelaskan tahap penggunaan cerita mitos dan lagenda, serta tahap pengetahuan masyarakat terhadap mitos dan lagenda Tasik Chini.

2.3. Mitos dan Legenda Masyarakat Dusun di Sabah

Selain itu, dalam konteks masyarakat Dusun di Sabah, mitos dan legenda juga dijadikan sebagai sumber yang menjadi naratif penceritaan kebudayaan mereka. Masyarakat Dusun merupakan antara kumpulan etnik yang dikelompokkan dengan beberapa kumpulan etnik lain yang memiliki kebudayaan yang sama seperti Kadazan ke dalam satu kategori kumpulan yang dikenali sebagai etnik Kadazandusun di Sabah. Kumpulan-kumpulan etnik dalam kategori Kadazandusun memiliki kebudayaan yang kaya dengan penceritaan mitos dan legenda dalam masyarakat mereka.

Veronica et al. (2015) dalam kajiannya menjelaskan antara cerita mitos dan legenda yang popular dalam kebudayaan masyarakat Kadazandusun ialah kisah Pahlawan *Monsopiad*, Pengorbanan *Kinorohingan*, *Pokok Nunuk Ragang*, dan kisah sumpahan *Bunsut* atau *Bunsutan* di kawasan Tiung. Selain itu, Veronica et al. (2015) juga telah menjelaskan beberapa unsur mitos dan legenda dalam masyarakat Dusun di Bundu Tuhan antaranya ialah dalam penceritaan asal-usul Budu Tuhan, *Gua Sumoring*, *Kinoring*, *Sogindai* dan *Pampang di Koyob*.

Beberapa contoh peristiwa atau penceritaan yang mempunyai unsur mitos dan legenda dalam masyarakat di Malaysia dan khususnya di Sabah seperti yang diterangkan di atas

adalah hanya melibatkan sebilangan kecil sahaja. Berkemungkinan besar lebih banyak lagi unsur mitos dan lagenda dalam masyarakat di Malaysia dan di negeri Sabah akan ditemui sekiranya usaha penulisan dan pendokumentasian unsur mitos dan lagenda dalam masyarakat terus disuburkan.

Di Negeri Sabah yang memiliki kebudayaan masyarakatnya yang terlalu kompleks dan terbentuk daripada puluhan kelompok etnik sudah pasti merupakan lubuk sumber yang kaya dengan penceritaan mitos dan lagenda. Ini kerana kepelbagaian budaya di Sabah bukan hanya ditunjangi oleh kebudayaan Kadazandusun sahaja tetapi juga terbentuk daripada kekayaan budaya etnik lain yang meliputi kelompok etnik seperti, Bajau, Kedayan, Murut, Lundayeh, Sungai, Idahan, Rungus, Brunei dan pelbagai kumpulan etnik lain lagi.

3. Metod Kajian

Secara keseluruhannya, maklumat berkaitan sejarah lisan, mitos dan lagenda serta beberapa maklumat lain dalam kajian ini diperolehi melalui kaedah temubual yang telah dilakukan di Kampung Nelumad pada 19 Mac 2022. Seramai tujuh orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden adalah berdasarkan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan bermaksud responden dipilih disebabkan responden mempunyai kriteria penting dan layak dijadikan sebagai responden kajian. Kelayakan tersebut ditentukan berdasarkan kemampuan mereka untuk memberikan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang asal usul Kampung Nelumad dan cerita-cerita berkaitan mitos dan lagenda masyarakat maka secara tidak langsung pemimpin-pemimpin kampung merupakan responden yang paling sesuai untuk ditemubual. Selain itu, golongan orang tua yang sudah berumur merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan yang lebih luas berdasarkan pengalaman mereka dengan generasi terdahulu. Oleh sebab itu, kajian ini juga mengambil responden dari kalangan penduduk kampung yang berusia lebih dari 60 tahun dan ke atas untuk ditemubual. Malah ada diantara responden kajian yang dipilih juga merupakan keturunan dari generasi keluarga terawal di kampung Nelumad.

Rajah 1 merupakan maklumat tentang responden kajian. Pemimpin kampung yang terlibat sebagai responden kajian ini ialah Wakil Ketua Anak Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan (JPKK), Ketua Kampung dan empat orang tua yang terdiri daripada dua orang lelaki dan dua orang wanita yang berumur dalam lingkungan 63 tahun sehingga 80 tahun.

Rajah 1: Maklumat Responden Kajian



Jirus bin Miun
Wakil Ketua Anak
Negeri
Umur 49 tahun



Estin bin Gelumpad
Ketua Kampung
Umur 55 Tahun



Zainal bin Midi
Pengerusi
Jawatankuasa
Pembangunan dan
Keselamatan
Kampung (JPKK)
Umur 47 tahun



Lukinah binti Kontau
Umur 63 Tahun



Milog bin Duyanan
Umur 80 tahun



Sedyong binti Bilok
Umur 78 tahun



Paragut bin
Gerupong
Umur 65 tahun

4. Hasil Kajian

4.1. Kampung Nelumad Dari Perspektif Sejarah Lisan

Sehingga kini tidak terdapat catatan bertulis tentang kewujudan atau bila bermulanya pertempatan awal di kampung Nelumad. Walau bagaimanapun, maklumat hasil temubual yang telah dibuat di Kampung Nelumad mendapati bahawa kewujudan petempatan awal di kampung Nelumad adalah pada tahun 1826. Manakala, penempatan Kampung Nelumad pula dikatakan secara rasminya dibentuk atau diwujudkan pada awal tahun 1900-an oleh pihak British.

Maklumat hasil temubual juga mendapati, lokasi rumah pertama yang dibina di Kampung Nelumad adalah terletak di kawasan Lakang yang dimiliki oleh penduduk asal yang bernama *Gimbukon*. Walau bagaimanapun rumah tersebut tidak dapat dilihat lagi pada hari ini kerana telah dirobohkan kerana rosak (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Walaupun tiada catatan bertulis yang ditemui tentang maklumat kewujudan kampung ini yang dikatakan bermula pada tahun 1826, tetapi maklumat yang diperolehi daripada penduduk kampung boleh diterima berdasarkan beberapa bukti yang dikemukakan. Bukti yang pertama ialah asal-usul petempatan kampung Nelumad yang dikatakan bermula pada tahun 1826 boleh disokong dengan kewujudan perkuburan generasi awal penduduk kampung tersebut.

Kubur awal tersebut adalah milik penduduk awal yang bernama Maman Pendiling Gimbukon. Kubur tersebut terletak di kampung Takutan iaitu kampung berhampiran dengan kampung Nelumad. Sekiranya dikira dari sudut keturunan, keluarga Maman Pendiling Gimbukon ini sudah memiliki tujuh generasi keturunan sehingga kini (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Selain itu, bukti kedua yang boleh menyokong kewujudan kampung Nelumad bermula pada tahun 1826 adalah dari sudut keturunan generasi awal penduduk di Kampung Nelumad. Seperti yang dijelaskan di atas, penduduk awal kampung Nelumad sehingga kini telah memiliki tujuh generasi keturunan. Generasi terawal di kampung Nelumad terdiri daripada dua keturunan keluarga terawal iaitu keturunan keluarga Maman Pendiling Gimbukon dan keturunan keluarga Kumantan (Temubual berkumpulan, 19/3/2022). Generasi keluarga Maman Pendiling Gimbukon dan Kumantan masih kekal menetap di kampung Nelumad. Malah terdapat daripada generasi keluarga tersebut masih boleh memberikan nama-nama keluarga mereka mengikut generasi sehingga generasi ke tujuh hari ini. Sekiranya purata umur jangka hayat setiap generasi diambil kira dalam andaian lingkungan umur 50 tahun bermakna kewujudan kampung tersebut yang dikatakan bermula pada tahun 1826 dan awal tahun 1900-an sebagai sesuatu tempoh masa yang boleh diterima.

Penduduk kampung Nelumad pada hari ini telah berkembang dan bukan sahaja terdiri daripada generasi Gimbukon dan Kumantan tetapi juga telah bercampur dengan penduduk dari keturunan lain yang berhijrah dan menetap di kampung Nelumad.

4.2. Kampung Nelumad dari Perspektif Mitos dan Legenda

Asal-usul nama tempat seringkali berkaitan dengan keadaan geografi dan persekitaran serta dikaitkan bersempena sesuatu peristiwa yang berlaku di sesuatu kawasan. Kajian asal-usul nama tempat bukanlah perkara baru di Malaysia dan antara kajian terbaru telah dilakukan sebelum ini tentang sejarah asal-usul nama tempat dan negeri di Malaysia ialah kajian [Raja Masittah et al. \(2016\)](#) yang bertajuk Etimologi Nama Negeri di Malaysia. Walau bagaimana pun [Riduan \(2019\)](#) menyatakan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi semasa menghasilkan kajian tersebut dan antara cabaran-cabaran tersebut termasuklah aspek berkaitan semantik dan ketidakwajaran aspek fonologi. Selain itu, cabaran yang lain termasuklah aspek etnografi serta kebolehpercayaan sejarah yang dikemukakan oleh responden ([Riduan, 2019:7](#)).

Seperti yang telah dimaklumkan, terdapat cabaran dalam penulisan berkaitan asal-usul ini kerana dalam kebudayaan masyarakat Malaysia, unsur mitos dan legenda merupakan sumber yang mewarnai penceritaan dan naratif sesuatu kaum atau komuniti di sesuatu kawasan. Unsur mitos dan legenda ini merupakan perkara yang diragui kewujudannya kerana penceritaan yang bersumberkan mitos dan legenda ini seringkali melibatkan penceritaan yang tidak boleh diterima logika akal manusia.

Demikian juga dengan asal usul nama tempat Kampung Nelumad yang diceritakan oleh penduduk kampung yang bersumberkan beberapa peristiwa yang mengandungi unsur-unsur mitos dan legenda. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada penduduk kampung, terdapat dua versi cerita mengenai asal-usul nama Kampung Nelumad. Dua versi cerita tersebut adalah berdasarkan dua sumber peristiwa yang berlaku dalam masyarakat menyebabkan Nelumad dijadikan sebagai nama kampung dan kekal sesehingga kini.

4.3. Versi 1: Asal-usul Kampung Nelumad berdasarkan nama pertemuan di antara dua sungai

Mengikut cerita orang terdahulu, Nelumad adalah nama pertemuan sungai (*Piolungan*¹) iaitu pertemuan di antara dua sungai. Pada zaman dahulu, sebelum nama Nelumad dijadikan sebagai nama kampung terdapat beberapa pemburu yang pergi berburu di kawasan hutan disekitar pertemuan sungai (*piolungan*) tersebut. Pada waktu itu, anjing pemburu yang bersama-sama dengan pemburu telah meninggalkan pemburu tersebut kerana dipercayai telah menjejaki binatang buruan. Pemburu telah mengekori anjing tersebut berdasarkan bunyi salakan sehingga terjumpa dengan dua lembaga mistik yang dikenali sebagai *Rogon*² (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Pemburu bertanya kepada *Rogon* sekiranya ternampak anjing yang mengikuti pemburu tersebut. *Rogon* mengatakan bahawa anjing pemburu tersebut telah menuju ke arah pertemuan sungai yang dikenali sebagai *Piolungan Nelumad (hilo no piolungan nelumad kah di Rogon*³). Pemburu tersebut dikatakan mengikuti atau menuruti arahan yang diberikan oleh *Rogon* dan telah berjaya menjumpai atau menjejaki anjing yang dicari. Sejak dari kejadian tersebut pemburu pun pulang ke kampung dan menceritakan peristiwa itu kepada beberapa orang penduduk masa itu. Mereka telah sepakat memilih nama Nelumad sebagai nama kampung mereka bersempena peristiwa tersebut (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

4.4. Versi 2: Asal-usul Kampung Nelumad berdasarkan kisah pemburu terjumpa kanak-kanak di tengah hutan berhampiran sungai Nelumad.

Versi cerita yang kedua pula mengisahkan tentang kisah pemburu yang telah berburu ke hutan dan telah menjumpai atau menemui dua orang kanak-kanak di tengah hutan berhampiran dengan sungai Nelumad. Pemburu tersebut memutuskan untuk menjaga dan memberikan makanan kepada kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, pemburu tersebut tidak dapat menghantar makanan kepada kanak-kanak tersebut selama tiga hari (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Pada hari keempat pemburu tersebut cuba lagi untuk menghantar makanan tetapi apabila tiba di tempat kanak-kanak tersebut, mereka mendapati kanak-kanak tersebut telah meninggal dunia. Kawasan kanak-kanak tersebut meninggal adalah dalam kawasan *piolungan Nelumad*. Maka nama Nelumad telah dipilih berdasarkan daripada kejadian tersebut (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

4.5. Asal Usul Nama Tiga Kawasan di Kampung Nelumad

Selain daripada nama Nelumad, terdapat tiga lagi nama lain tetapi nama lain tersebut merupakan nama tiga kawasan dalam kampung Nelumad. Secara umumnya kampung Nelumad dibahagikan kepada tiga bahagian dan bahagian tersebut mempunyai nama yang diberikan bersempena dengan peristiwa yang berlaku di kawasan tersebut. Nama tiga kawasan tersebut ialah yang pertama *Notuhan*, kedua *Dantaian* dan yang ketiga *Lakang*.

¹ *Piolungan* dalam bahasa Dusun membawa maksud sebagai tempat pertemuan antara dua sungai

² *Rogon* dalam bahasa Dusun pula dirujuk atau diertikan sebagai makhluk bunian ataupun penghuni hutan. Pada masa dahulu dan sebelum kedatangan agama terutamanya di negeri Sabah, kepercayaan kepada alam dan makhluk mistik ini adalah perkara yang biasa.

³ *hilo no piolungan nelumad kah di Rogon* merupakan bahasa Dusun yang membawa maksud dalam bahasa Melayu sebagai "sana di tempat pertemuan antara dua sungai kata si *Rogon*".

Ketiga-tiga nama tersebut mempunyai makna dan sejarah tersendiri. Menariknya ketiga-tiga bahagian ini juga dikenali sebagai kampung oleh penduduknya. Ini bermakna Kampung Nelumad adalah kampung yang besar yang meliputi tiga kampung-kampung kecil didalamnya. Berdasarkan maklumat temubual yang telah dijalankan, berikut adalah makna dan peristiwa disebalik pemberian nama tiga kawasan di kampung Nelumad.

4.6. Kawasan 1: Notuhan

Perkataan atau istilah *Notuhan* dalam bahasa Dusun adalah bermaksud runtuh. *Notuhan* telah dipilih sebagai satu daripada tiga nama kawasan di kampung Nelumad kerana dikaitkan dengan berlakunya peristiwa tanah runtuh di kawasan tersebut. Tanah runtuh yang dimaksudkan telah berlaku di kawasan penempatan kampung. Kawasan tanah runtuh tersebut berhampiran dengan sungai dan dipercayai merupakan penempatan awal atau penempatan asal kampung Nelumad (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Gambar 1 menunjukkan kawasan tanah runtuh yang dimaksudkan pernah berlaku seperti mana yang diterangkan sebagai peristiwa yang membawa kepada penamaan kawasan kampung tersebut sebagai kawasan *Notuhan*.

Gambar 1: Kawasan Tanah Runtuh di Kampung Nelumad



Sumber: Kajian Lapangan Kg. Nelumad, 10/12/2022

Kawasan ini telah ditunjukkan oleh Encik Jirus Miun, Wakil Ketua Anak Negeri Kampung Nelumad ketika kajian lapangan dijalankan, dan kawasan tanah runtuh yang

dimaksudkan terletak berhampiran rumah Wakil Ketua Anak Negeri iaitu dalam kawasan bulatan merah dalam gambar. Kawasan tanah runtuh tersebut tidak dapat dilihat dengan jelas kerana kawasan tersebut dilitupi dengan tumbuhan seperti yang ditunjukkan dalam [Gambar 1](#).

Maklumat yang diperolehi daripada temubual yang telah dijalankan amat bersesuaian dengan keadaan bentuk muka bumi di Kampung Nelumad yang terdiri daripada kawasan yang berbukit sebagaimana kedudukannya yang berdekatan dengan Gunung Kinabalu dan kawasan tanah runtuh tersebut juga berhampiran dengan sungai. Sungai tersebut bukan sahaja melewati kawasan kampung Nelumad tetapi juga melewati beberapa kawasan kampung lain di sekitar. Sungai yang ditunjukkan dalam [Gambar 2](#) merupakan sungai yang terletak berhampiran dengan kawasan tanah runtuh yang diceritakan sebagai peristiwa yang membawa kepada pemilihan nama kawasan kampung tersebut sebagai *Notuhan*.

Gambar 2: Sungai di Kampung Nelumad



Sumber: Kajian Lapangan Kg. Nelumad, 10/12/2022

Bulatan merah dalam [Gambar 2](#) dikenali sebagai *batu lilihungan*. Pada masa dahulu, apabila musim kemarau air dalam takungan batu akan dibuka atau dikeringkan atau dalam bahasa Dusun *panambarasan* oleh seorang yang boleh dipercayai atau *bobolian* (Jirus Miun, 31/7/2023). Selain itu pada masa dahulu batu *lilihungan*, juga adalah tempat mencuci *lumbuh* ketika ada kenduri atau pesta (Jirus Miun, 31/7/2023). *Lumbuh* adalah tempat memotong atau dikenali sebagai *chopping board*. *Lumbuh* dicuci di batu lilihungan ketika ada kenduri atau pesta dipercayai mempunyai makna atau nilai yang penting dalam kalangan masyarakat di Nelumad ketika dahulu.

4.7. Kawasan 2: *Dantayon*

Kawasan yang ke dua dalam kampung Nelumad adalah Dantayon. Perkataan atau istilah tersebut dalam bahasa Dusun adalah bermaksud “tempat diletakkan” (Jirus Miun,

9/6/2023). Kawasan ini diberikan nama *dantayon* oleh penduduk kampung bersempena satu peristiwa yang dikaitkan dengan mayat seorang penduduk kampung yang diletakkan di kawasan tersebut tanpa dikebumikan. Peristiwa ini adalah berkaitan cerita penduduk dahulu yang telah meletakkan mayat seorang penduduk yang bernama *Kiyin* bin Kuja yang tidak dikebumikan di kawasan tersebut. *Kiyin* Bin Kuja ini adalah suami kepada *Kemidin* binti *Kumantan* (*Jirus Miun*, 9/6/2023). Bapa *Kemidin* iaitu *Kumantan* merupakan salah seorang penduduk terawal di kampung *Nelumad*. *Kiyin* meninggal disebabkan oleh sakit (*Jirus Miun*, 9/6/2023). Bulatan merah dalam [Gambar 3](#) merupakan kawasan dipercayai mayat *Kiyin* diletakkan tanpa dikebumikan.

Gambar 3: Kawasan dibelakang rumah dipercayai mayat *Kiyin* diletakkan tanpa dikebumikan



Sumber: Kajian Lapangan Kg. *Nelumad*, 10/12/2022

Maklumat daripada *Jirus Miun* (9/6/2023) menjelaskan cerita *Kiyin* kenapa tidak dikubur adalah seperti berikut:

- i. orang-orang pada masa itu, apabila ada orang/jiran meninggal, maka semua orang atau kebanyakan orang masing-masing melarikan diri kerana ketakutan.

- ii. keluarga *Kiyin* (si mati) adalah orang yang sangat susah/miskin, maka sebab itu mereka tidak mampu menguburkan si mati, memandangkan masa itu bekum ada peralatan untuk mengorek tanah hanya menggunakan benda-benda yang lain seperti kayu dan sebagainya.
- iii. Pada masa itu, apabila keluarga si mati meminta bantuan kepada orang maka haruslah membayar segit sebanyak dua ekor ayam setiap yang datang membantu.

Maka dengan itu, keluarga *Kiyin* telah mengambil keputusan untuk tidak mengubur dan hanya menyimpa mayat tersebut di atas batu besar (Jirus Miun, 9/6/2023).

Peristiwa tersebut telah menyebabkan kawasan tersebut dipanggil dengan nama *dantayon pinantayan tinan di kitin* (Temubual berkumpulan, 19/3/2022) yang telah membawa kepada penamaan kawasan tersebut sebagai *dantaion* sehingga ke hari ini.

Berdasarkan maklumat tersebut, pemberian nama di kawasan kedua ini sebagai *dantaion* amat berkait rapat dengan cerita mayat penduduk yang bernama *Kiyin* diletakkan di kawasan tersebut tanpa dikebumikan. Gambar 3 merupakan rumah Paragut Garupong dan kawasan belakang rumah tersebut merupakan kawasan mayat *Kiyin* diletakkan (Jirus Miun, 1/8/2023). Peristiwa yang berlaku itu sehingga ke hari ini menjadi warisan dalam masyarakat khususnya apabila menjelaskan tentang asal-usul petempatan masyarakat di kampung Nelumad secara keseluruhannya.

4.8. Kawasan 3: *Lakang*

Seterusnya, kawasan ketiga di kampung Nelumad adalah *Lakang*. Perkataan atau istilah *lakang* atau *kakang* dalam bahasa Dusun membawa maksud sebagai katak. Katak merupakan binatang atau spesies yang banyak ditemui di kawasan lembab dan boleh hidup di mana-mana kawasan hutan, paya, parit, sungai mahupun berdekatan kawasan petempatan manusia. Gambar 4 menunjukkan beberapa rumah penduduk di kawasan *Lakang*. Penduduk awal kawasan ini menamakan kawasan tersebut bersempena dengan nama binatang iaitu "katak" kerana dikaitkan dengan kewujudan binatang tersebut yang menjadi salah satu sumber atau petanda untuk penduduk kampung mengetahui tentang masa. Masa yang dimaksudkan adalah waktu subuh dan waktu matahari terbenam setiap hari (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Penduduk kampung menjadikan bunyi katak setiap hari sebagai penanda masa pada waktu itu. Katak tersebut dikatakan akan berbunyi sebanyak dua kali setiap hari. Katak tersebut akan berbunyi pada waktu subuh (dalam anggaran jam 5 lebih pagi) dan sekali lagi pada waktu petang selepas matahari terbenam) (Temubual berkumpulan, 19/3/2022).

Berdasarkan maklumat tersebut, katak telah dijadikan sebagai nama kawasan ini kerana katak tersebut mempunyai fungsi penting khususnya sebagai penanda waktu dalam kehidupan penduduk. Bunyi katak ini amat penting kerana bunyi tersebut boleh membantu penduduk kampung dalam mengenal pasti atau merancang aktiviti mereka setiap hari. Bunyi pertama boleh dikatakan menandakan hari hampir siang dan penduduk boleh menggunakan petanda tersebut untuk bangun dari tidur dan bersedia untuk memulakan aktiviti harian mereka. Manakala bunyi kedua pula menandakan malam sudah tiba. Bunyi katak tersebut boleh mengingatkan penduduk untuk pulang ke rumah dan berhenti daripada aktiviti harian di luar rumah.

Gambar 4: Rumah penduduk di Kawasan Lakang

Sumber: Kajian Lapangan Kg. Nelumad, 10/12/2022

5. Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, artikel ini telah menjelaskan asal-usul Kampung Nelumad berdasarkan perspektif sejarah lisan dan juga bersumberkan mitos dan legenda setempat.

5.1. Nelumad berdasarkan perspektif sejarah Lisan.

Maklumat dalam artikel ini yang berkaitan sejarah asal-usul kampung Nelumad diperolehi daripada pemimpin kampung yang terdiri daripada Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN), Ketua Kampung dan Pengerusi Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPP) berserta beberapa orang tua. Selain menjadi pemimpin kampung, terdapat dari kalangan responden yang ditemubual merupakan keturunan generasi awal penduduk kampung tersebut yang memiliki pengalaman dan mewarisi cerita-cerita daripada generasi mereka yang terdahulu.

Kewujudan kampung Nelumad yang dikatakan bermula pada tahun 1826 dan diwujudkan secara rasmi oleh pihak British merupakan maklumat sejarah lisan yang amat penting dalam menjelaskan sejarah kampung Nelumad selepas ini. Walaupun hanya bersumberkan sejarah lisan tetapi maklumat yang diberikan oleh penduduk kampung yang terlibat sebagai responden juga dilihat sebagai satu maklumat yang relevan dan boleh diterima berdasarkan bukti sekongangan yang dikemukakan iaitu bukti perkuburan penduduk terawal dan juga kewujudan susur galur keturunan penduduk asal dari dua keluarga iaitu keluarga Gimbukon dan keluarga Kumantan.

5.2. Nelumad berdasarkan perspektif Mitos dan legenda.

Elemen atau unsur-unsur mitos dan legenda juga memainkan peranan yang agak besar dalam menjelaskan asal-usul Kampung Nelumad dan kawasan-kawasan lain dalam Kampung Nelumad. Berdasarkan penerangan yang telah dibuat, didapati unsur mitos dan legenda yang diceritakan banyak berkait dengan unsur mistik dan juga unsur legenda individu. Selain itu penamaan nama tempat juga amat berkait rapat dengan peristiwa atau keadaan persekitaran kawasan sama ada bentuk muka bumi mahupun binatang.

Unsur mistik yang dimaksudkan sebagai contoh adalah *rogon*. Dalam kebudayaan masyarakat Dusun, rogon bermaksud makhluk halus dan mempunyai keupayaan luarbiasa. *Rogon* juga dirujuk sebagai hantu. Selain itu, unsur legenda pula ditonjolkan melalui pemilihan nama Nelumad berkaitan dua cerita iaitu cerita tentang pemburu yang terjumpa kanak-kanak di dalam hutan dan juga penduduk yang bernama *Kiyin* yang telah meninggal tanpa dikebumikan. Peristiwa yang berkaitan persekitaran pula ditonjolkan dengan pemilihan nama *Netuhan* yang bersempena dengan kejadian tanah runtuh. Manakala Katak pula diambil sebagai nama di kawasan Lakang bersempena peristiwa atau bersempena bagaimana masyarakat dikawasan tersebut menjadikan katak sebagai sumber penunjuk waktu mereka setiap hari.

6. Kesimpulan

Artikel ini yang berkaitan tentang asal-usul pemberian nama tempat di Kampung Nelumad mempunyai naratif yang menarik bersumberkan sejarah lisan, mitos dan legenda rakyat. Kronologi peristiwa yang diceritakan menonjolkan kebudayaan masyarakat Dusun seperti mana juga dalam kebudayaan masyarakat lain di Malaysia memiliki cerita yang kaya dengan unsur-unsur mitos dan legenda.

Walau pun penulisan yang bersumberkan unsur mitos dan legenda sering dipersoalkan kebenarannya, kerana mempunyai sifat data yang bercampur dengan penjelasan yang tidak logik atau tidak diterima akal, tetapi ia nya juga perlu dijadikan sebagai sumber penting apabila tidak wujud data bertulis atau bukti saintifik untuk menjelaskan sesuatu keadaan fenomena atau budaya dalam masyarakat.

Selain itu, unsur-unsur mitos dan legenda juga memainkan peranan penting khususnya boleh membawa kepada usaha penyelidikan yang mendalam untuk membuktikan perkara-perkara yang boleh dijelaskan secara saintifik daripada peristiwa mitos dan legenda yang berlaku dalam masyarakat. Artikel ini diharap memberikan sumbangan khususnya dalam memahami asal-usul Kampung Nelumad. Penulisan artikel ini sekurang-kurangnya memulakan rekod tentang kewujudan Kampung Nelumad dan boleh dijadikan sebagai rujukan untuk generasi akan datang.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian telah diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan terima kasih kepada YB Datuk Sri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N36 Kundasang atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan penyelidikan ini. Begitu juga kepada semua responden kajian yang terlibat diucapkan jutaan terima kasih atas kerja sama yang diberikan.

Kewangan (*Funding*)

Adalah diperakui bahawa manuskrip ini merupakan hasil daripada projek penyelidikan yang bertajuk Sejarah, Demografi dan Sosio Ekonomi Penduduk Kg Nelumad, Ranau dibiayai oleh YB Datuk Sri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N36 Kundasang.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada konflik kepentingan daripada para pengkaji sama ada dalam pelaksanaan kajian mahupun dalam penerbitan hasil kajian

Rujukan

- Amoamo, M. (2011) Remoteness and myth making: Tourism development on Pitcairn Island. *Tourism Planning & Development*, 8(1), 1-19.
- Bascom, W. R. (1965). The Form of Folklore : Prose Narrative. *Journal of American Folklore*, 78(30), 3-20.
- Fatimah Hassan & Hamid Mohd Isa. (2014). Mitos dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia : Kajian Kes Lembah Lenggong. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 168 -179.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. PetalingJaya. Fajar Bakti.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd. Kiram & Hasnah Mohamad. (2016). *Etimologi Nama Negeri Di Malaysia*. UPM Press.
- Riduan Makhtar. (2019). Etimologi Nama Negeri Di Malaysia. *Jauhar*, 3(I), 7-10.
- Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris & Mohamad Kazar Razali. (2017). Mitos Dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-25.
- Siti Hawa Salleh. (2009). Raja Bersiong. Mahsuri dan puteri Lindungan Bulan: Antara mitos dan fakta. *Wacana Warisan Kedah Darul Aman*. 11-12 Mac 2009.
- Veronica Petrus Atin, Nelson Justin & Dayu Sansalu. (2015). Mitos, Lagenda dan Kepercayaan Lama (Bobolianisme) sebagai Produk Pelancongan dalam Vincent Pang, Budi Anto Mohd Tamring & Veronica Petrus Atin. *Bundu Tuhan Konteks Dan Transformasi* (63-79). Kota Kinabalu. Perpustakaan Negeri Sabah.